

Penduduk persoal apa dah jadi dengan projek lurus sungai

'Beri madu tapi dapat tuba'

Oleh **NURULANUAR MANSOR**
nurulanuar@kosmo.com.my

GOMBAK – Sudahlah kerja yang dibuat tidak sempurna, kontraktor lesap entah ke mana. Penduduk pula dibiarkan menanggung kesukaran.

Begitulah nasib sembilan keluarga di Lot 2556, Kampung Kunci Air, Simpang Tiga, Gombak berhampiran Masjid As-Shariff di sini.

Pada mulanya janji yang diberi bagaikan madu. Penduduk dijanji kemudahan dan keselesaan. Jadi mereka memberikan restu agar Jabatan Parit dan Saliran Persekutuan memulakan projek meluruskan Sungai Gombak di situ pada tahun 2003.

Bagaimanapun, projek itu malangnya menghadapi masalah dan dihentikan pada Februari lepas.

Memburukkan keadaan, pemaju telah menghilangkan diri meninggalkan penduduk di lot itu dengan hanya satu jalan masuk yang amat daif dan sempit, perparitan tidak sempurna, tebing sungai tidak berpagar dan binaan longkang besar yang terbengkalai.

Pemilik lot yang tinggal di situ sejak lahir, Adnan Ismail, 70, memberitahu **KOSMO!**

yang dia dan penama-penama lain di dalam geran lot itu dijanjikan JPS pampasan RM20,000 dan kemudahan infrastruktur.

"Pampasan telah diberi dan kami berterima kasih, walaupun terpaksa dikongsi bersama-ramai, tapi macam mana dengan kemudahan jalan, pagar tebing sungai dan parit?"

"Kawasan rumah kami teruk berdebu bila cuaca panas dan jadi becak macam sawah setiap kali hujan lebat. Kami bagi madu kenapa balas tuba?" keluhnya.

Menantu Adnan, Ramdzan Sulaiman, 36, memberitahu, kawasan itu kini menjadi 'pulau'. Satu-satunya laluan masuk ke situ ialah jambatan sempit dan jalan tanah merah yang berbonggol dan berlubang.

"Nak masuk ke sini, jambatan sempit itulah penghumbungnya, dah masuk pula jalan daif ini kami kena tempuh hari-hari sampai rosak kereta.

"Silap haribulan, bila hujan kereta Kancil pun tak boleh lalu, alamat di seberang sanalah kami letak kereta," katanya.

Lebih menyedihkan lagi, suri rumah, Zaidah Md Saad, 34, memberitahu, pemaju



ADNAN



ZAIDAH

projek meninggalkan kawasan tersebut dengan tebing sungai tidak berpagar sehingga berlaku kemalangan yang hampir meragut nyawa.

"Pernah dua bulan dahulu sebuah motosikal terbabas ja-



SEORANG kanak-kanak berdiri berhampiran projek meluruskan Sungai Gombak yang terbengkalai di Kampung Kunci Air, Simpang Tiga, Gombak semalam.

tu ke dalam sungai kerana tidak perasan tebing di situ. Nyaris lemas dia jika saya tidak beranikan diri menyelamatkannya.

"Longkang besar yang tidak disediakan itu satu lagi

bahana, lihat sahajalah cerucuk tajam di situ dan anak-anak yang mandi di tengah sungai sana," katanya sambil menunjuk ke arah sekumpulan kanak-kanak yang sedang mandi di situ.

Rata-ratanya, penduduk berharap pihak-pihak yang berkenaan memandang serius masalah mereka dan segera mengambil tindakan kepada puluhan aduan yang telah dibuat.